

Laksana tanggungjawab sosial

► Kelab Kakitangan Jabatan Bendahari UMS ceriakan Pusat Autisme UMS Labuan

UB 23.10.2016 B10

LABUAN: Seramai 22 ahli Kelab Kakitangan Jabatan Bendahari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menceriakan Pusat Pengembangan Autisme UMS Labuan yang terletak di universiti itu.

Pemangku Bendahari UMS, Zalifah Shadan mengetui pegawai dan kakitangan Jabatan Bendahari mengecat bilik yang bakal digunakan untuk anak-anak autisme mengaji dan menimba ilmu keagamaan.

Katanya, bilik berkenaan yang dinamakan sebagai *Rainbow Room* diharap mampu menceriakan anak-anak autisme dan ibu bapa

mereka.

"Kelab Kakitangan Jabatan Bendahari UMS melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) terhadap Pusat Pengembangan Autisme UMS Labuan yang terletak

di universiti itu.

"Kelab Kakitangan Jabatan Bendahari UMS melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) terhadap Pusat Pengembangan Autisme UMS Labuan yang terletak di UMS Labuan dengan mengecat bilik mengaji bagi menceriakan anak-anak autisme," katanya ketika ditemui di Pusat Autisme Labuan, pada Jumaat.

Turut menyertai projek yang julung-julung kalinya diadakan itu ialah Timbalan Bendahari, Mohd Edrus Othman, Penolong Pendaftar Kanan, Hayati Salleh Baihaki dan Penolong Bendahari Kanan, Sektor Kewangan UMS Labuan, Mohd Nazir

Ab Manan.

Hadir sama Timbalan Pengurus Kelab Kakitangan Jabatan Bendahari UMS, Azmin Januin serta 15 kakitangan Sektor Kewangan UMS Labuan.


Zalifah berkata Rainbow Room itu akan dijadikan anak angkat kepada Jabatan Bendahari untuk melaksanakan pelbagai program bagi menambah ilmu anak-anak autisme dan ibu bapa.

"Kelab Kakitangan Jabatan Bendahari UMS akan terus memberikan sokongan moral kepada Persatuan Autisme Labuan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengurus Pusat Autisme Labuan, Shafrry Mohd



HAYATI (dua kiri) memerhatikan Zalifah mengecat *Rainbow Room*. Turut kelihatan Mohd Edrus dan Mohd Nazir (kiri)



(Gambar atas) **SEBAHAGIAN** ahli Kelab Kakitangan Jabatan Bendahari UMS yang mengecat bilik di Pusat Autisme UMS Labuan.

(Gambar kanan) **ZALIFAH** melekatkan nama *Rainbow Room* sambil diperhatikan Hayati.

Sharif mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Bendahari UMS yang prihatin dengan keperluan anak-anak autisme Labuan.

Sambil mengalukan komitmen Jabatan Bendahari UMS itu, beliau bagi pihak Pengurus Pusat Autisme Labuan, Zakiah Hassan berharap lebih ramai individu dan syarikat swasta tampil memberikan bantuan kewangan untuk menampung kos operasi pusat itu.

Beliau tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan kepada Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Pengarah UMS Labuan, Prof Madya Dr Murnizam

Haji Halik yang sentiasa memberikan sokongan moral dan kewangan kepada Pusat Autisme Labuan menjalankan aktivitiinya.



SEBAHAGIAN ahli Kelab Kakitangan Jabatan Bendahari UMS yang mengecat bilik di Pusat Autisme UMS Labuan.

